



MALAYSIA

# LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Rabu, 23 Mac 2022

## MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

### Laporan Tindakan Susulan: PROJEK SISTEM PENGUAT KUASA AUTOMATIK (AES)

**1. Kementerian Pengangkutan**

Datuk Isham bin Ishak,  
Ketua Setiausaha

**2. Jabatan Perdana Menteri**

Encik Azman bin Mahmood,  
Setiausaha Bahagian Audit Dalam

Encik Mohd Najib bin Surip,  
Pengarah Bahagian Keselamatan ICT  
dan Rahsia Rasmi

PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA  
RABU, 23 MAC 2022**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Pengerusi*  
YB. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti  
Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]  
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]  
YB. Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]  
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]  
YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]  
YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]  
YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]  
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]  
YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]  
YB. Dato Haji Salim Sharif [Jempol]  
YB. Dato Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]  
YBrs. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha*

**URUS SETIA**

Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara,  
Parlimen Malaysia]  
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha (Seksyen Jawatankuasa  
Pilihan), Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]  
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit (Seksyen Jawatankuasa Pilihan),  
Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

Encik Mohd Marzuni bin Muhamad [Pengarah Audit, Sektor Audit Prestasi]

**Jabatan Peguam Negara**

Encik Azroul Hisham bin Azulan [Ketua Unit Teknologi Maklumat & Kewangan,  
Bahagian Penasihat]

**Jabatan Akauntan Negara**

Encik Badrul Hisam bin Ismail [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Unit Pengurusan  
Pelaburan dan Ekuiti) Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi]

*(samb/-)*

**HADIR BERSAMA** (*samb/-*)

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

Encik Zulhairy bin Zaidel [Penolong Ketua Pesuruhjaya]

Puan Ng Seh Fern [Penolong Pesuruhjaya]

**Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri**

Puan Suriyani binti Ali [Timbalan Pengarah I, Bahagian Infrastruktur dan Kemudahan Awam]

**SAKSI-SAKSI**

**Kementerian Pengangkutan**

Datuk Isham bin Ishak [Ketua Setiausaha]

Encik Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh [Setiausaha Bahagian Darat]

Cik Siti Nur Ramizah binti Abd Razak [Pegawai Khas Ketua Setiausaha]

**Jabatan Perdana Menteri**

Encik Azman bin Mahmood [Setiausaha Bahagian Audit Dalam]

Encik Mohd Najib bin Surip [Pengarah Bahagian Keselamatan ICT dan Rahsia Rasmi]

Encik Norazmi bin Ibrahim [Ketua Seksyen Bahagian Audit Dalam]

## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PENGAL KELIMA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS

Rabu, 23 Mac 2022

Bilik Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.03 petang

[Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**Tuan Pengerusi:** Salam sejahtera dan selamat petang saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Parlimen Keempat Belas sekalian, ahli-ahli ex-officio PAC. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat PAC pada petang ini.

Petang ini kita akan mendengar pembentangan daripada pegawai pengawal berhubung Laporan Pelaksanaan *Automated Enforcement System* yang lebih dikenali sebagai AES di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT). Untuk pengetahuan semua, laporan PAC ini dibentangkan di Dewan Rakyat pada 23 November 2021 selepas mengadakan dua mesyuarat prosiding.

Hadir di hadapan PAC adalah Yang Berbahagia Datuk Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha MOT dan Yang Berusaha Encik Azman bin Mahmood, Setiausaha Bahagian di Jabatan Perdana Menteri. Jadi, tanpa membuang masa, saya dengan ini menjemput Yang Berbahagia Datuk KSU MOT untuk memulakan pembentangan tindakan susulan pegawai pengawal terhadap syor Laporan PAC berhubung pelaksanaan AES. Dipersilakan Datuk.

**Datuk Isham bin Ishak [Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang dan salam sejahtera kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan pegawai-pegawai.

Saya telah meneliti Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mengenai Projek Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES). Saya juga telah meneliti rumusan yang telah disediakan termasuk juga syor-syor oleh PAC berhubung dengan isu yang dibangkitkan tersebut.

Merujuk kepada syor-syor yang telah disarankan, ada empat syor dan setiap syor ini kita mempunyai jawapanlah. Syor pertama ialah kerajaan harus mendedahkan kepada umum dengan menyahklasifikasikan ataupun *declassification* Laporan Siasatan JKSTUPKK Bilangan 2/2018 berkenaan dengan *Automated Enforcement System* (AES). Perkara ini telah kami rujuk kepada JPM yang

merupakan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus Perolehan Kewangan dan mereka sebenarnya yang telah menjalankan siasatan.

Bersama saya ialah Encik Azman dan saya mohon Encik Azman untuk memberi pandangan daripada JPM berhubung dengan syor yang pertama yang disarankan oleh PAC.

**Encik Azman bin Mahmood [Setiausaha Bahagian Audit Dalam, Jabatan Perdana Menteri]:** Terima kasih Yang Berbahagia Datuk Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, Yang Berbahagia Datuk, Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Pertama, terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli PAC kerana memberi peluang untuk membentangkan maklum balas terhadap syor pertama laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen bagi prosiding berhubung Projek Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) yang mana syornya berbunyi kerajaan harus mendedahkan kepada umum dengan menyahklasifikasikan (*declassified*) Laporan Siasatan JKSTUPKK Bilangan 2/2018 berkenaan *Automated Enforcement System* (AES).

Untuk Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) ini, sebenarnya telah ditubuhkan berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 30 Mei 2018. Jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Ambrin Buang, mantan Ketua Audit Negara telah tamat beroperasi pada bulan Mei 2021. Laporan Siasatan JKSTUPKK Bilangan 2/2018 berkenaan *Automated Enforcement System* (AES) telah diletakkan di bawah simpanan JPM.

Dengan mengambil kira syor daripada PAC, JPM telah menilai dan mengkaji untuk menyahklasifikasikan laporan siasatan ini. Bagaimanapun, setelah penilaian dan kajian dibuat, mendapati kandungannya adalah berkaitan maklumat-maklumat sensitif yang perlu diberi perlindungan kerahsiaannya seperti mana yang ditetapkan di bawah perenggan 88(d) Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017).

Berdasarkan perenggan 88(d) Arahan Keselamatan yang menyatakan, "*Sebelum pengelasan semula dibuat, rahsia rasmi hendaklah disemak bagi menentukan kandungan rahsia rasmi berkaitan tidak lagi mengandungi sebab-sebab kerahsiaan yang memerlukan ia dikelaskan mengikut peringkat keselamatan tertentu*".

Maklumat yang terkandung dalam laporan siasatan didapati memerlukan perlindungan kerahsiaan dikekalkan disebabkan ada keputusan-keputusan yang

berkaitan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Jemaah Menteri, Kementerian Kewangan dan Kementerian Pengangkutan dilaporkan di dalam laporan tersebut, Yang Berhormat.

■1510

**Tuan Pengerusi:** Encik Azman, ada lagi atau tidak untuk Syor 1?

**Encik Azman bin Mahmood:** Tidak ada. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Itu sahaja?

**Encik Azman bin Mahmood:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Saya hendak tanya, apakah maklumat-maklumat sensitif yang dimaksudkan di sini? Tidak mungkin kesemua keputusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Yang Berhormat Menteri Kewangan itu perkara sensitif. *To me, we cannot sweep everything under the carpet just like this.*

**Encik Azman bin Mahmood:** Tuan Pengerusi, sebenarnya laporan tersebut dikelaskan sulit sebagai satu laporan. Saya bersetuju dengan Tuan Pengerusi; dari sudut kandungannya, tidak semuanya adalah berstatus sulit. Akan tetapi, dalam pengelasan laporan, pengelasan yang dibuat melihat kepada sebagai satu laporan. Jadi, penurunan darjah pengelassannya pun perlu melibatkan satu laporan.

Kalau diizinkan Tuan Pengerusi, bersama-sama saya ada pegawai daripada JPM berkaitan dengan CGSO kalau perlukan penjelasan tambahan daripada segi penetapan yang dibuat. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila. Terima kasih.

**Encik Mohd Najib bin Surip [Pengarah Bahagian Keselamatan ICT dan Rahsia Rasmi, Jabatan Perdana Menteri]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC, Yang Berbahagia Dato', tuan-tuan dan puan-puan.

Seperti mana yang dinyatakan oleh Encik Azman tadi, Tuan Pengerusi, apabila satu-satu dokumen yang dilindungi di bawah Akta Rahsia Rasmi ini hendak dikelaskan semula, di peringkat kementerian/jabatan akan menilai daripada segi kandungan keseluruhan dokumen yang telah diwujudkan oleh jabatan.

Dalam kes dokumen yang berkaitan dengan AES ini, dokumen ini telah diperingkatkan sebagai sulit dan dokumen luar jadual. Ia telah dilindungi di bawah Akta Rahsia Rasmi dan bagi proses untuk mengelaskan semula dokumen ini di peringkat jabatan yang bertanggungjawab di mana dokumen ini diwujudkan, ia hendaklah; pertama, melihat dokumen itu dokumen dalam jadual ataupun dokumen luar jadual. Dalam kes ini, dokumen ini adalah dokumen luar jadual, bermaksud adalah dokumen-dokumen yang diwujudkan diberi peringkat oleh jawatankuasa siasatan sebagai sulit. Apabila telah diwujudkan sebagai sulit dan ia dilindungi di bawah Akta Rahsia Rasmi, dan apabila sebegitu, proses untuk mengelaskan semula

dokumen ini di peringkat kementerian ataupun jabatan hendaklah menilai kandungan yang ada di dalam dokumen itu, laporan siasatan ini.

Jika ia dikelaskan semula untuk menjadi dokumen terbuka, adakah ia akan memberi implikasi kepada jabatan atau apa-apa maklumat yang ada dalam laporan siasatan ini. Jadi disebabkan itu, prosesnya apabila ada cadangan, pandangan daripada PAC untuk mengelaskan semula dokumen siasatan AES ini, JPM telah menilai dan telah memutuskan bahawa apabila melihat laporan ini, ada dalam laporan siasatan ini maklumat-maklumat yang sensitif daripada jabatan-jabatan yang dibuat dalam laporan inilah. Jadi, itu telah diputuskan bahawa di peringkat JPM untuk mengekalkan lagi statusnya, untuk makluman Tuan Pengerusi, berkaitan dengan kertas siasatan AES ini.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih kerana memberikan satu penjelasan kepada PAC berkenaan dengan prosedur.

**Encik Mohd Najib bin Surip:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi, masalahnya soalan masih belum dijawab oleh saksi; bahagian mana yang begitu sensitif? Apakah yang sensitif sangat yang tidak boleh didedahkan? Sekiranya kesemua sensitiviti ini dijadikan satu alasan kepada PAC, lebih baik PAC *close shop* sudah. *I do not need to get you all to come. So,* apakah maklumat yang begitu sensitif yang dipandang oleh JPM sebagai tidak boleh menyahklasifikasikan laporan tersebut?

*Just for everyone's info,* Tan Sri Ambrin Buang telah pun mengetuai Jawatankuasa Siasatan ini dan telah pun menerbitkan lebih daripada 10 laporan. Setahu saya, bagi laporan *land swap*, jika tidak silap saya, itu melibatkan pemindahan askar-askar ataupun tentera darat kita dan berapa besar setiap kem dan berapa ramai yang akan dipindahkan, apakah kapasiti dan kenapa ia dipindahkan ke sana, kesemua itu pun boleh dinyahklasifikasikan. *That is all about national security, if we want to use it as an excuse to keep it under OSA.*

*Now, this AES. AES is all between the private companies with the government. I really do not see any makluman ataupun reason* untuk pihak kementerian tidak mematuhi syor yang dikeluarkan oleh PAC. *I hope* kementerian *can take it seriously. Any makluman?*

**Encik Azman bin Mahmood:** Tuan Pengerusi, sebenarnya di peringkat kementerian, di peringkat JPM, memang kita memberi perhatian serius tentang syor yang diberikan. Bagaimanapun, berbalik kepada proses atau prosedur yang perlu dilalui sebagaimana yang diterangkan tadi, maknanya di peringkat selepas penilaian dan kajian dibuat, JPM berpandangan laporan ini dari segi status sulitnya dikekalkan dan tidak dapat dinyahklasifikasikan. Itu daripada segi keputusan yang telah dibuat.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Encik Azman. Soalan saya adalah apakah justifikasi kepada keputusan tersebut? Adalah senang bagi kementerian untuk memberitahu PAC, "*Look, pada pandangan kita, ia masih patut di bawah OSA.*" So, itu sahaja jawapan. Akan tetapi, apa yang saya hendak tanya di sini adalah justifikasi. Apakah maklumat yang begitu sensitif? *Does it include national interest? Or* sekiranya segala tadi ada dinyatakan termasuk keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri maka ia tidak boleh dinyahklasifikasikan, *might as well* kesemua keputusan tidak boleh disemak oleh PAC.

*So, I hope* Encik Azman *can understand, can give us further info. If not, maybe can inform the* PAC siapa di peringkat JPM yang telah membuat keputusan. TKSU kah? Atau dibawa kepada mana-mana jawatankuasa yang dipengerusikan oleh mana-mana pegawai pengawalkah? Boleh nyatakan kepada kami? *To be honest*, saya amat tidak berpuas hati dengan jawapan yang diberikan. Sekiranya perlu, *I will call your minister to come.*

**Encik Azman bin Mahmood:** Untuk makluman Tuan Pengerusi, perkara ini daripada segi keputusan ataupun penilaian dan kajian yang telah dibuat ini, telah diputuskan di peringkat pengurusan tertinggi JPM iaitu Yang Berbahagia Datuk TKSUK dan juga Yang Berbahagia Datuk TKSU (Pengurusan) dan telah dibincangkan dan dibuat keputusan di peringkat tersebut sebenarnya, Tuan Pengerusi. Itulah senario yang saya boleh maklumkan, Tuan Pengerusi.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Boleh saya dapat pengesahan bahawa keputusan ini diambil oleh JPM, bukan Kementerian Pengangkutan?

**Datuk Isham bin Ishak:** Betul, Yang Berhormat. Sebab laporan ini adalah diletakkan di bawah simpanan JPM.

**Tuan Pengerusi:** Siapa Menteri yang *in charge* ya? Bukan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), bukan? Siapa Menteri yang *in charge* untuk laporan ini di JPM?

**Encik Azman bin Mahmood:** Tuan Pengerusi, di peringkat JPM, kita ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga lima Menteri yang berkaitan. Untuk JKSTUPP ini, asalnya mengikut apa yang dibincangkan, ia bermula di peringkat Kementerian Kewangan, akhirnya diletakkan di bawah JPM. Apa yang saya faham.

#### ■1520

Cuma, apabila pada bulan Mei 2021 operasinya terhenti, tamat beroperasi, daripada segi prosedurnya memang Jabatan Perdana Menteri memang kena ambil alih. Ini diuruskan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan JPM. Daripada segi laporan-laporan, ini semua telah disimpan di Seksyen Rekod di Bahagian Khidmat Pengurusan JPM, Yang Berhormat. *That's* dia punya senariolah. Okey.



**Encik Mohd Najib bin Surip:** Boleh saya...

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Encik Mohd Najib bin Surip:** Untuk makluman Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Ahli Mesyuarat PAC, kenapa dokumen ini tanggungjawabnya di bawah JPM ialah kerana JKSTUPKK ini ditubuhkan di bawah JPM dan kertas-kertas siasatan oleh jawatankuasa ini, pemulanya adalah— jawatankuasa itu berada di bawah JPM dan pemulanya bermaksud JKSTUPKK ini di bawah JPM. Jadi, sebab itu apabila ia telah dimansuhkan, ia akan diletakkan di bawah JPM bagi tanggungjawab menguruskan dokumen-dokumen ini dan bukan di bawah MOT. Sebab itu ia di bawah JPM, untuk makluman Tuan Pengerusi dan ahli-ahli mesyuarat.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]:** Tuan Pengerusi, sebenarnya hasil penemuan JKSTUPKK ini telah pun dibukukan, telah dibentangkan di dalam Mesyuarat PAC ya. Bukan hanya atas isu AES. Isu LCS pun JKSTUPKK, *land swap*. LCS ini cerita kapal di Lumut ya. Itu lebih besar rahsianya daripada cerita sepatutnya 1,400 kamera, yang ada hanya 48 kamera, contohnya. Kalau itulah rahsia yang hendak dilindungi. Ataupun isu-isu seperti meminta LTAT menjadi penyelamat kepada dua syarikat dan kita terpaksa membayar RM555 juta untuk 48 buah kamera, contohnya. Kalau itu dikatakan rahsia, kita sudah bincang di sini dan laporan pun telah dibentangkan di Dewan Rakyat. Ini syornya supaya kita berlaku lebih telus dan diminta supaya dinyahklasifikasikan.

Jadi kalau hendak bercakap mengenai keselamatan, saya tak nampak isu itu sebagai isu besar berbanding dengan *land swap*. Bayangkan, tanah-tanah angkatan tentera ditukar-tukarkan itu, ini sampai ke pengetahuan umum melalui laporan kita PAC. Akan tetapi dalam kes ini, dekat mana justifikasinya maka ianya tersangat rahsia? Kerana yang disyorkan ialah berkenaan *Automated Enforcement System* sahaja.

Jadi saya rasa, Tuan Pengerusi, *we are not heading anywhere lah in this case* ya, sebab jawapan daripada pihak JPM tadi sudah sedemikian. *I don't think we can explore more option unless* kita cari jalan sendirilah untuk memastikan perkara ini *assuring* dapat kita laksanakan. *Wallahualam*.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Lumut. Ada komen lain daripada ahli-ahli? Tetapi bagi saya, soalan saya masih tidak terjawablah. Kali keempat saya tanya, apakah maklumat yang begitu sensitif? *So, I think the* saksi pun tak tahu, dan saya tak akan *pursue further*.

Akan tetapi, untuk makluman saksi, saya hendak dapat tahu, bilakah *meeting* yang memutuskan supaya syor untuk menyahklasifikasikan ini tidak dapat

dilaksanakan? Bila? Siapakah yang hadir? Sekiranya menteri hadir? Menteri mana yang akan— sekiranya saya hendak memanggil menteri untuk datang untuk jawab dengan sendiri, so, siapakah yang akan datang? Perdana Menteri kah? Saya tak kisah, saya boleh panggil Perdana Menteri.

**Encik Azman bin Mahmood:** Tuan Pengerusi, kalau boleh saya tambah sedikit. Sebenarnya keputusan ini dibuat di peringkat pengurusan tertinggi Jabatan Perdana Menteri dan tidak melibatkan Yang Berhormat Menteri apa semua. Ia di peringkat Timbalan TKSUK dan juga TKSUP dan juga saya dan kuorum termasuk CGSO selepas kita menilai perkara ini. Itu, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** So, mesyuarat itu diadakan pada bila? Mesyuarat jawatankuasa tertinggi itu yang dimaksudkan tadi yang telah pun membuat keputusan supaya tidak mengikut apa yang disyorkan oleh PAC.

**Encik Azman bin Mahmood:** Pada minggu lepas, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tarikh?

**Encik Azman bin Mahmood:** *Specific date* adalah...

**Tuan Pengerusi:** Yes, sila. Boleh bagi kemudian, Encik Azman.

**Encik Azman bin Mahmood:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi untuk saya, saya akan dapatkan tarikh, saya akan bincang dengan ahli-ahli dan juga pihak sekretariat. Kami akan memanggil sama ada TKSU atau mana-mana menteri yang bertanggungjawab untuk memberikan penjelasan lanjut terhadap syor ini. Ini kerana, bagi saya, saya tidak boleh menerima sesuatu maklum balas yang mana, *with due respect*, yang begitu *general* yang nampaknya tidak mengambil berat terhadap syor yang dibentangkan oleh PAC.

*So, I hope JPM boleh mengambil maklum dan sampaikan pesanan dan mesej ini kepada TKSU atau siapa-siapa pegawai yang bertanggungjawab untuk keputusan tersebut. To me, the Cabinet have a power to make decision and if this thing have not been brought to the minister, I wonder you want to bring it to minister before I call him to come. Thank you.*

Ya, sila masuk Syor 2.

**Datuk Isham bin Ishak:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Syor 2 ialah mengenai syor yang dibuat berhubung dengan SPRM hendaklah meneliti semula dan membuat siasatan terhadap isu-isu yang berbangkit dalam Laporan JKSTUPKK ini dan juga laporan PAC ini khasnya sama ada terdapat mana-mana individu yang terlibat dalam penerimaan *kick-back* dalam proses pengambilalihan AES oleh LTAT. Jadi, MOT mengesyorkan supaya SPRM lah untuk menjawab memberikan maklum balas. Wakil SPRM?

**Tuan Pengerusi:** Ya, *ex-officio* kah? Ya, sila.

**Encik Zulhairy bin Zaidel [Penolong Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia]:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Di pihak SPRM, kalau ikut daripada SPRM, kita ada dua tindakan ini. Pertama sekali daripada Bahagian Siasatan SPRM dan yang kedua daripada Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM.

Untuk Bahagian Siasatan SPRM, tidak menemui apa-apa kesalahan rasuah dan siasatan telah diputuskan untuk *no further action*. Namun begitu, satu kertas pemeriksaan dan perundingan telah dibuka. Untuk makluman Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Ahli-ahli, kertas pemeriksaan tersebut telah selesai dijalankan pemeriksaan dan di pihak SPRM, kita di peringkat untuk mengemukakan satu surat nasihat dengan mengesyorkan syor-syor cadangan penambahbaikan kepada MOT. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. Yang Berhormat Kluang, sila.

**Puan Wong Shu Qi:** Boleh pihak SPRM maklumkan kepada PAC, apa syor-syor penambahbaikan yang dinasihati oleh SPRM kepada MOT?

**Encik Zulhairy bin Zaidel:** Sebab kertas pemeriksaan sekarang ini di peringkat untuk menyediakan, so saya tidak bawa yang syor-syor itu, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Surat itu ada tidak? Surat nasihat. Kebiasaannya di bawah kertas pemeriksaan, ada satu surat yang akan dikemukakan.

**Encik Zulhairy bin Zaidel:** Ia akan tapi ia belum diedarkan lagi.

**Tuan Pengerusi:** Oh, belum diedarkan lagi?

**Encik Zulhairy bin Zaidel:** Belum. Belum diedarkan lagi.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Selepas diedarkan, beri kepada PAC satu salinan.

**Encik Zulhairy bin Zaidel:** Okey, baik, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Saya hendak tanya berkenaan dengan NFA. Bilakah kertas siasatan dibuka dan bilakah keputusan NFA dibuat?

■1530

**Encik Zulhairy bin Zaidel:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Untuk makluman Tuan Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat semua, kertas siasatan ini dibuka pada 28 Ogos 2018 dan dikemas untuk simpan (KUS) pada 6 Mac 2019.

**Tuan Pengerusi:** Boleh saya dapatkan maklumat sekiranya sekretariat atau mana-mana ahli ada, bilakah laporan siasatan JKSTUPKK ini dikemukakan? Ada?

**Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya.

**Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli:** Pada 28 Januari 2019. Dalam laporan kita ada. Pada muka depan sekali. Yes.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Saya rasa kita bentang ini tahun 2021, bukan? Jadi, syor itu baru keluar tahun 2021. Akan tetapi, siasatan awal lagi sudah ya. Sudah KUS. Tahun 2019 ya. Ertinya sebelum laporan PAC disampaikanlah.

**Puan Wong Shu Qi:** Tuan Pengerusi, kalau tidak silap, saya ingat semasa prosiding, kita pun pernah tanya kepada SPRM. Ketika itu SPRM sudah kata bahawa peringkat siasatan awal sudah *no further action* (NFA) iaitu PAC menyarankan bahawa buka semula selepas kita syorkan dalam laporan. Kalau tidak silaplah.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** “*SPRM hendaklah meneliti semula dan membuat siasatan terhadap isu-isu yang berbangkit daripada JKSTUPKK dan juga laporan PAC.*” So, *apparently* tidak diambil tindakanlah di sini. Itu yang awallah.

**Tuan Pengerusi:** Yes, sila Yang Berhormat Sik.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Tuan Pengerusi, saya mohon untuk maklum balas SPRM ini diletakkan tarikhnya itu. “*Siasatan SPRM tidak menemui apa-apa kesalahan rasuah...*” Bila itu ya, maksudnya? Jadi, biar jelas di situ tarikhnya itu dan maknanya kita boleh sambung apa yang telah pun diberi maklum balas kemudian oleh PAC sendiri.

**Encik Zulhairy bin Zaidel:** Okey, Tuan Pengerusi. So, bersama saya adalah pegawai siasatan SPRM. So, mungkin dia akan *explain further*.

**Tuan Pengerusi:** Yes, sila. Bagi nama untuk tujuan *Hansard* ya. Terima kasih.

**Puan Ng Seh Fern [Penolong Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia]:** Oh, okey. Nama saya Ng Seh Fern. So, daripada rekod yang disediakan kepada saya ini, ia menunjukkan hanya satu kertas siasatan awal sahaja yang dibuka. *Then, so far* yang dimaklumkan bahawa pembukaan semula KS tersebut, saya tiada maklumat tersebut tetapi saya akan bawa perkara ini balik ke Bahagian Siasatan untuk perbincangan seterusnya.

**Tuan Pengerusi:** Okey, sedikit pesanan untuk SPRM. Ini di sepanjang tempoh saya duduk di PAC, kali kedua berlaku. Pertama untuk isu kemasukan warga asing. Kita juga ada mengesyorkan SPRM untuk melaksanakan siasatan tetapi *feedback* yang diberikan adalah NFA. Akan tetapi, tarikh NFA itu adalah sebelum laporan kita diterbitkan.

So, masalah di hadapan kita adalah apabila ada satu laporan PAC yang mengesyorkan supaya SPRM meneliti semula dan melaksanakan siasatan, *that was in 2021*. Sepatutnya SPRM haruslah mengambil berat dan juga mengambil tindakan

terhadap syor itu. So, komen yang saya buat sebelum ini saya tidak mahu ulang lagi.

Cuma dengan penjelasan daripada Cik Ng tadi akan rujuk kembali kepada Bahagian Siasatan dan bagi saya, Syor 2 ini belum lagi dijawab dengan tindakan susulan yang dibentangkan tadi. Okey.

**Puan Ng Seh Fern:** Okey, *sorry*. Oleh sebab daripada rekod yang saya ada ini juga dinyatakan bahawa walaupun KPA itu sudah disyorkan untuk NFA tetapi tindakannya belum diambil sebab mungkin ada tindakan lanjut lagi. So, berkenaan ini, saya akan— pada Jun 2021, *so...*

**Tuan Pengerusi:** Apakah maksud walaupun NFA tetapi tindakan masih belum lagi diambil?

**Puan Ng Seh Fern:** Sebab dalam docket kita, ada dinyatakan bahawa NFA KPA ini sementara waktu sebelum tindakan KUS diambil. Oleh sebab untuk tindakan KUS itu, kita perlu— *there are some processes that we have to go through*.

**Tuan Pengerusi:** Okey. So, *it's* NFA tetapi belum *closed* lagi?

**Puan Ng Seh Fern:** Yes. Tindakan...

**Tuan Pengerusi:** KUS.

**Puan Ng Seh Fern:** KUS. Tindakan KUS belum— *yes*.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Puan Ng Seh Fern:** So, saya akan bawa balik isu ini dan bincangkan.

**Tuan Pengerusi:** Sila. Apa yang penting adalah saya hendak tegaskan di sini di dalam laporan siasatan JKSTUPKK ya, ada satu carta yang disediakan oleh Jawatankuasa Siasatan. Carta itu ada menunjukkan bagaimana *money trail*-nya. Wang itu, RM555 juta yang dibayar itu masuk kepada *lawyer* siapa dan di-*release* kepada siapa, semua nama ada di sana. Juga, pada masa itu, tidak silap saya, dalam Laporan Jawatankuasa Siasatan juga ada menyatakan supaya Bank Negara membantu untuk menyediakan *money trail* yang ada itu.

**Puan Ng Seh Fern:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** So, *you see why am I so concerned about the jawapan* daripada JPM berkenaan Syor 1 dan juga SPRM berkenaan dengan Syor 2. Apa yang terjadi dalam JKSTUPKK pun mereka ada menyatakan *they have already found out there is something wrong, there could be something wrong. They might not be wrong, but there could be something wrong*. Akan tetapi, nampaknya tindakan susulan daripada badan penguat kuasa tidak diambil.

**Puan Ng Seh Fern:** Oh, *sorry*. About this matter, about the laporan tersebut, *actually we did the financial tracing* dengan bantuan Bank Negara dan didapati bahawa tiada pembayaran yang disyaki. *We did the tracing already*.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. *So, you have to get back to us on the— I mean you have to revert back to SPRM as to our syorlah, right?*

**Puan Ng Seh Fern:** *Yes. About the financial tracing, so sekarang sudah confirmed here is we did the financial tracing already regarding to the laporan tersebut and tiada pembayaran yang disyaki.*

**Tuan Pengerusi:** *Okay, we take a note of that.* Okey. Jika tiada soalan lanjut berkenaan syor tersebut...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman:** Tuan Pengerusi, sedikit.

**Tuan Pengerusi:** Sila, Yang Berhormat Sik.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman:** Untuk SPRM. Jadi, kertas pemeriksaan dan perundingan itu bila *deadline* untuk boleh dibentangkan juga kepada PAC?

#### ■1540

**Encik Zulhairi bin Zaidel:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Ahli. Untuk yang surat nasihat itu, Yang Berhormat? *So, yang ini, biasa kita edar surat nasihat, kita akan bagi dateline dua minggu untuk pihak agensi itu untuk ambil tindakan.*

**Tuan Pengerusi:** Okey, boleh Yang Berhormat Sik? Terima kasih. Okey, jika tiada soalan lanjut, saya minta Datuk KSU untuk Syor 3.

**Datuk Isham bin Ishak:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Seterusnya ialah syor ketiga di mana PAC menyarankan kerajaan hendaklah memastikan semua terma dalam mana-mana perjanjian konsesi tidak merugikan kerajaan. Jadi, MOT mengambil maklum mengenai syor ini dan kita akan memastikan semua terma dalam mana-mana perjanjian konsesi akan datang di bawah tindakan MOT akan disemak secara terperinci dari segenap aspek agar tidak merugikan kerajaan.

Sebagai tambahan, Yang Berhormat, kita sedang merundingkan dua perjanjian konsesi. Satu ialah *Operating Agreement* (OA) dengan MAHB. Jadi, kita tidak bersendirian di dalam memastikan terma-terma ini adalah berpihak ataupun akan menguntungkan kerajaan. Kita mendapat khidmat nasihat daripada UKAS dan juga Kementerian Kewangan sebagai ahli dalam jawatankuasa. *So, UKAS dan Kementerian Kewangan mempunyai pengalaman dan juga banyak memberi panduan bagi memastikan kita tidak rugilah dari segi konsesi.*

Perjanjian OA kedua adalah seperti perjanjian *dredging* baru-baru ini dengan syarikat IMW. Kita juga telah membawa pihak UKAS dan Kementerian Kewangan bersama dalam jawatankuasa ini dan juga pihak-pihak yang berkenaan dan berkepentingan bagi memastikan terdapat keseimbangan dan juga memastikan perjanjian-perjanjian akan datang yang berkonsepkan konsesi ini tidak akan berlaku kerugian pada kerajaan.

Itu sahaja makluman, Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. Terima kasih Datuk. *I think that is very clear.* Ada ulasan? Jika tiada, boleh masuk syor keempat, Datuk.

**Datuk Isham bin Ishak:** Terima kasih Yang Berhormat. Syor 4, kerajaan haruslah sentiasa memantau dan memastikan keberkesanan AES/AwAS dalam usaha menjaga keselamatan jalan raya dan pematuhan undang-undang yang berkuat kuasa. MOT juga akan memastikan pihak JPJ akan memantau aspek pengoperasian dan penguatkuasaan sistem AES dan AwAS ini bagi memastikan keberkesanannya dalam usaha meningkatkan keselamatan jalan raya dan juga pematuhan terhadap undang-undang jalan raya.

Sebagai tambahan, Yang Berhormat, saya juga telah bersetuju untuk mempengerusikan sendiri Mesyuarat Pemantauan Sistem AES/AwAS ini dua kali setahun. Mesyuarat pertama akan diadakan pada bulan Jun ini dan mesyuarat seterusnya akan diadakan pada bulan Disember. Ini bagi memastikan bahawa projek yang kita buat ini adalah berjalan dengan baik dan juga memastikan tahap keselamatan jalan raya dan pematuhan undang-undang adalah di tahap seperti mana yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih Datuk. Ya, sila Yang Berhormat Lumut.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Datuk. Saya ingin minta *update* mengenai sistem AwAS yang merupakan lanjutan daripada AES dahulu. Apakah ada dibuat pertambahan dari segi jumlah kamera-kamera yang dipasang di seluruh negara ke tahap— masih 45 lagi ya?

**Datuk Isham bin Ishak:** Ya, masih lagi 45 jumlah kamera: 29 untuk had laju dan 16 adalah untuk kamera lampu isyarat.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Memang tidak ada keputusan lain untuk menambahkah seperti perancangan awal?

**Datuk Isham bin Ishak:** Belum lagi, Yang Berhormat. Akan tetapi, dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jalan Raya baru-baru ini bersama-sama dengan agensi-agensi yang berkaitan, kita telah membincangkan untuk mengadakan satu kajian untuk kita lihat jalan-jalan lain yang mempunyai tahap kemalangan yang tinggi untuk kita letakkan kamera ini. So, perkara ini masih dalam perincian MOT.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Tambahan, Tuan Pengerusi. Bukankah *original spot* program AES itu sendiri sudah membuat kajian mengenai tapak-tapak yang dijangka memerlukan kawalan kamera ini?

**Datuk Isham bin Ishak:** Betul, Yang Berhormat. Akan tetapi, trend pemanduan dan kemalangan ini ia berubah-ubah. So, kita kena selalu membuat

penilaian dan pemantauan sebab kadang-kadang ada jalan-jalan baharu yang dibina yang telah memasuki jalan utama. So, jalan-jalan yang baharu inilah yang kita sedang membuat penilaian sama ada perlu atau tidak kita letakkan kamera AES di tempat-tempat tersebut.

Kita juga mendapat cadangan daripada pihak-pihak sekolah, contohnya, Yang Berhormat, untuk meletakkan kamera AES di kawasan sekolah bagi memastikan keselamatan kanak-kanak. So, kita tengah lihat juga sekolah-sekolah yang berada dekat dengan jalan raya itu untuk kita lihat AES.

So, kita tengah *study* semua cadangan-cadangan yang kita terima itu, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Mengikut peta itu, semua kamera yang sedia ada ini berada di Pantai Barat sahaja ya? [*Merujuk pada slaid pembentangan*] Di tengah dan Pantai Timur tidak ada? Ada perancangankah untuk melebar?

**Datuk Isham bin Ishak:** Betul. Kita memang ada perancangan. Cuma, sebelah Pantai Barat ini, sebab kita dah ada Lebuhraya Utara Selatan itu, sekarang ini kita ada Lebuhraya Pantai Timur (LPT), itu yang antara penilaian yang kita sedang laksanakan.

Satu lagi kekangan kita ialah *internet connection*, Yang Berhormat. Sebab, kita dapat maklumat daripada kamera itu dihantar terus ke Pusat Kawalan AES ini. So, kita hendak pastikan itu tidak ada *interruption*. Sebab, kadang-kadang kamera itu dia menghantar maklumat ke kita punya *operation center* itu, *internet* itu *down*, gambar itu jadi macam separuhlah. So, banyak masalah teknikal. So, kita hendak pastikan kualiti gambar yang kita dapat daripada AES ini adalah mempunyai tahap di mana kita tidak boleh di-*challenge* oleh mereka yang bersalah tersebut, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Datuk, cuma saya hendak tanya, setiap tahun berapakah anggaran perbelanjaan untuk pengoperasian dan penyelenggaraan sistem AES ini? *Every year*. Juga, apakah statistik berkenaan dengan pesalah yang ditangkap ataupun kompaun yang telah dikeluarkan?

**Datuk Isham bin Ishak:** Saya akan tunjukkan slaid, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Ya, boleh. Sila.

**Datuk Isham bin Ishak:** Yang Berhormat, untuk tahun 2021— tahun 2020 memang kita tidak ada melaksanakan AES. Akan tetapi, pada tahun 2021, untuk saman had laju, kita telah dapat 233,033 saman yang dikeluarkan. Untuk lampu isyarat, sebanyak 4,477 dengan jumlahnya 237,510 jumlah saman yang telah dikeluarkan. Daripada 237,000 saman yang telah dikeluarkan, yang telah selesai



saman yang dibayar adalah lebih kurang 55,000 saman yang telah selesai. Maksudnya, yang dibayar. *Balance* itu belum dibayar lagi.

Jumlah kutipan pula, Yang Berhormat, untuk had laju pada tahun 2021 adalah lebih kurang RM6.841 juta, untuk lampu isyarat sebanyak RM155,000 dengan jumlah saman yang dikutip adalah lebih kurang RM7 juta.

**Tuan Pengerusi:** So, RM7 juta ini adalah daripada saman yang telah pun selesailah lebih kurang 55,000 saman?

**Datuk Isham bin Ishak:** Betul, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Datuk Isham bin Ishak:** Untuk tahun 2022— ini sampai Februari sahaja, Yang Berhormat. So, *from* statistik yang kita dapat, bagi had laju, kita dapat saman yang dikeluarkan adalah 53,695. Untuk lampu isyarat pula adalah 3,057 dan jumlah saman yang dikeluarkan adalah 56,752 saman. Jumlah saman yang kita keluarkan sebanyak 56,000 ini, jumlah saman yang selesai dibayar adalah 1,743 bilangan saman dengan jumlah saman yang dikutip RM521,700. Itulah statistik saman-saman untuk had laju dan juga lampu isyarat, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Tahun 2020 setakat bila ya?

**Datuk Isham bin Ishak:** Tahun 2022 kah, Yang Berhormat?

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya.

**Datuk Isham bin Ishak:** Sampai 15 Februari 2022, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Datuk, tadi Datuk ada *mentioned* tahun 2020 tiada ya?

**Datuk Isham bin Ishak:** Ya, tidak ada saman-saman yang— kita dah batalkan dah. Kita dah batalkan semua saman, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Tahun 2020? Ada batal?

**Datuk Isham bin Ishak:** Tahun 2020, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Bataukah? Oh, ya kah? Apakah sebab dibatalkan? Pandemik kah apa?

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Isham bin Ishak:** Betul, Yang Berhormat. Tahun 2020, kita tidak ada kontrak sebab ditamatkan pada tahun 2019. So, tidak ada kontrak. So, sekarang ini dah ada kontrak dan kita teruskan.

**Tuan Pengerusi:** So, kontrak dia dari tahun 2019 sampai akhir tahun 2020 memang tidak ada lah?

■1550

**Datuk Isham bin Ishak:** Tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Datuk Isham bin Ishak:** So, Tuan Pengerusi tanya soalan mengenai *maintenance* tadi.

**Tuan Pengerusi:** Sebelum *maintenance*.

**Datuk Isham bin Ishak:** *Sorry*.

**Tuan Pengerusi:** Kontrak apa ya, Datuk? Sebab tahun 2019 atau 2018 setelah kerajaan mengambil alih AES, so kerajaan patut terlibat dalam pengoperasian AES, bukan? Kenapakah tahun 2020 tidak ada?

**Datuk Isham bin Ishak:** Ya. Memang betul JPJ yang ambil. Kita tidak ada kontrak sebab mesin-mesin tersebut atau kamera-kamera tersebut dan sistem *back end* dan *printing* tersebut tidak ada tender dikeluarkan. So, ia tidak di-*maintain*-lah. So, ia tidak berfungsi. So, memang tidak berfungsilah kamera tersebut pada tahun 2020.

**Tuan Pengerusi:** Okey. So, ia ada satu *main contractor* yang akan bertanggungjawab untuk kesemua atau sebahagian-sebahagian?

**Datuk Isham bin Ishak:** Boleh saya jelaskan, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Boleh.

**Datuk Isham bin Ishak:** Okey. Ada tiga tender penyelenggaraan sistem AES ini. Pertama ialah tender perkhidmatan dan penyelenggaraan kamera tersebut, *physically* di jalan raya. Kontrak ini telah dianugerahkan kepada syarikat HD Technology pada 20 Februari 2020 dan jumlah kontrak ini ialah bernilai RM17.069 juta. *Maintenance of the physical camera*.

Tender kedua ialah tender perkhidmatan...

**Tuan Pengerusi:** RM17 juta untuk berapa lama?

**Datuk Isham bin Ishak:** Untuk 36 bulan.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Datuk Isham bin Ishak:** Ya, bermula 1 Mac 2020. Tender kedua, Tuan Pengerusi, adalah untuk tender perkhidmatan percetakan kamera AES. *This is to print out*. Ini telah dianugerahkan kepada syarikat Nissen Technology Sdn. Bhd. selama 36 bulan juga, Tuan Pengerusi. Jumlah kontrak bernilai RM2.358 juta.

Tender ketiga, Tuan Pengerusi, adalah tender perkhidmatan dan penyelenggaraan *back office* AwAS iaitu *the back-end system where we capture data, we record them, very far and make sure*. So, tender ini telah dianugerahkan kepada syarikat Formis Network Services Sdn. Bhd.. Tempoh selama 18 bulan, jumlah kontrak adalah RM13.623 juta. So, ada tiga jenis kontrak penyelenggaraan untuk sistem ini, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Datuk, untuk kontrak kedua dan ketiga, bilakah kontrak itu berkuat kuasa?

**Datuk Isham bin Ishak:** Untuk perkhidmatan penyelenggaraan berkuat kuasa 1 Mac, untuk percetakan bermula 1 Mei dan *back-end* bermula 14 September 2020.

**Tuan Pengerusi:** Okey, nampaknya kontrak yang paling akhir adalah 14 September 2020.

**Datuk Isham bin Ishak:** Betul.

**Tuan Pengerusi:** Itu kontrak *start* tetapi kita sudah mula bayar perkhidmatan *for maintenance* kamera sejak bulan Mac 2020.

**Datuk Isham bin Ishak:** Betul, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** So, memang untuk tahun 2020, *the roll-out* untuk penguatkuasaan tidak ada?

**Datuk Isham bin Ishak:** Tidak ada, sebab kamera tersebut banyak *maintenance* yang perlu dilaksanakan; daripada segi *lens*-nya, *wiring* pun ada orang curi. So, banyaklah yang kena buat sebab ia tidak diselenggarakan, Tuan Pengerusi. *So, we had to fix the pole first, then only we got the printing ready, then the back end-*lah *to get everything integrated together*, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** So, sama ada penjelasan tadi berkenaan dengan ketiga-tiga kontrak menjawab kepada soalan pertama saya tadi iaitu kos pengoperasian dan juga penyelenggaraan?

**Datuk Isham bin Ishak:** Betul. *So, these are the figures*, Tuan Pengerusi. *You can campur* semualah.

**Tuan Pengerusi:** Okey, *understand. Thank you.* Ya, sila Yang Berhormat Lumut.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Ya. Kalau mengikut kiraan kasar sayalah, ketiga-tiga kontrak itu berjumlah RM33 juta lebih kurang ya.

**Datuk Isham bin Ishak:** Betul, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Untuk tahun 2021, kita dapat *collect* RM7 juta atau RM6 juta lebih.

**Datuk Isham bin Ishak:** Ya, bukan semua saman kita *collect* tetapi ada saman yang masih lagi kita *dok collect*-lah.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Macam...

**Datuk Isham bin Ishak:** Untuk tiga tahun, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Untuk tiga tahun ya.

**Datuk Isham bin Ishak:** Ya, betul. *So, about RM11 million a year*-lah.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Kena dapat itu ya.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Memang bukan untuk untung, bukan?

**Tuan Pengerusi:** Okey. Ada apa soalan lagi kepada saksi? Ada lagi? Atau ada apa-apa hendak tambah oleh Datuk ataupun Encik Azman? Tidak ada ya?

**Datuk Isham bin Ishak:** Tidak ada, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort]:** Setakat ini, Datuk KSU berpuas hatilah dengan apa yang dibuat oleh ketiga-tiga kontraktor tadi itu yang telah dilantik dengan kerja-kerja yang mereka laksanakan?

**Datuk Isham bin Ishak:** Ya betul, sebab pemantauan untuk projek ini dibuat setiap bulan untuk *maintenance* ini. So, dipantau sendiri oleh saya ataupun Yang Berhormat Menteriilah.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Datuk. Okey, Ahli-ahli PAC— ya, silakan Yang Berhormat Sik.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman:** Satu lagi berkaitan dengan syor yang terakhir tadi. Daripada segi kriteria untuk mungkin *next plan* keperluan pemasangan AwAS ini, adakah pihak MOT ada kolaborasi dengan pihak lain termasuk JKR sendiri yang *maintenance* jalan raya itu? Sebab kalau saya tengok, ada kes-kes tempat yang maknanya laluan yang kerap berlaku kemalangan ini. Jadi, proses untuk kita hendak *justify* bahawa di sini ada perlunya dipasang kamera itu bagaimana kaedahnya?

**Datuk Isham bin Ishak:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Projek terbaharu yang dilaksanakan bersama antara MOT dengan JKR dan KKR adalah projek yang dinamakan *Weigh In Motion*. *Weigh In Motion* ini adalah untuk kita mengenal pasti laluan-laluan lori-lori yang lebih muatan yang bukan sahaja merosakkan jalan, kedua, ia membahayakan pengguna jalan raya lain terutamanya jalan-jalan yang kita dapati mempunyai risiko di mana lori tersebut akan berlaku kemalangan. Contoh, jalan-jalan curam yang mempunyai gred gradien-gradien yang memberi tekanan kepada brek lori, mungkin *brake failure*. Itu satu.

Keduanya ialah kawasan-kawasan di mana terdapat jalan-jalan yang mana telah dibuat untuk gred kereta biasa, bukannya untuk lori. So, kadangkala lori ini suka curi masuk jalan-jalan tersebut. So, kita akan memasang sistem baharu ini iaitu *Weigh In Motion* di mana ada kamera yang akan dapat menangkap gambar lori tersebut membawa muatan dan melalui sistem terbaharu ini, kita boleh kira berat muatan lori tersebut melalui kamera sahaja. So, ini teknologi yang kita sedang laksanakan. *Insyah-Allah*, tender akan dikeluarkan dan akan dilengkapi pada suku ketiga tahun ini.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih Datuk. Okey, ada soalan lagi? Okey, jika tidak ada, sejam untuk tindakan susulan ini dan saya minta supaya Encik Azman sampaikan pesanan dan mesej PAC tadi kepada pihak TKSU dan kita akan menunggu satu jawapan berkenaan dengan Syor 1 lah. Okey? Terima kasih.

Bagi pihak PAC, saya ucapkan terima kasih kepada Datuk KSU dan kesemua saksi yang hadir pada petang ini untuk memberikan maklum balas berkenaan dengan laporan tindakan susulan. Untuk makluman semua, dalam tempoh empat minggu sesi Sidang Parlimen ini, *I think* tidak silap saya kita telah pun membentangkan enam atau tujuh laporan tindakan susulan ke Parlimen. Esok kami akan bentang dua iaitu laporan berkenaan dengan COVID-19 dan juga MM2H. Sememangnya sesi ini merupakan satu sesi pembaikan, dilaksanakan sejak dua tahun yang lepas untuk memastikan kementerian-kementerian ataupun agensi-agensi kerajaan mengambil berat terhadap syor-syor yang dibentangkan oleh PAC.

So, dengan itu, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli semua, ahli-ahli sekretariat dengan juga *ex officio* yang hadir pada petang ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Isham bin Ishak:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** *Thank you.*

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.59 petang]***